

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MOHD FASIAH BIN HAJI  
DARIPADA MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah dan kaedah Kementerian bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru dengan menghasilkan rancangan mengajar yang lebih variasi untuk menarik minat murid belajar melalui program Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) serta nyatakan pencapaiannya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar bahawa kualiti sistem pendidikan sangat bergantung kepada kualiti guru itu sendiri. Fokus dalam Gelombang 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah untuk meningkatkan kualiti guru dan memberikan tumpuan kepada kemahiran-kemahiran utama. Selaras dengan fokus tersebut, KPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kemahiran guru-guru sedia ada dalam perkhidmatan.

Bagi tujuan tersebut, seramai 268,589 orang guru telah dilatih untuk menguasai kemahiran pedagogi abad ke-21 dengan memberi fokus kepada penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. KPM juga telah meningkatkan usaha bagi memastikan guru lebih berfokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran melalui Inisiatif *Repositioning of Teachers' Core Duties* di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti guru dan salah satunya ialah melalui program program Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC). Prinsip utama PLC iaitu memastikan pembelajaran murid, membudaya kolaboratif dan fokus kepada pencapaian. Antara objektif pelaksanaan PLC adalah;

1. Meningkatkan kualiti dan amalan pengajaran serta pembelajaran guru;
2. Menyediakan peluang berlakunya aktiviti perkongsian ilmu, kepakaran dan bekerjasama dalam kalangan guru;
3. Mewujudkan semangat kerja berpasukan;
4. Membangunkan sekumpulan pengurus mata pelajaran yang pakar untuk membantu dan memberikan bimbingan kepada pengurus-pengurus mata pelajaran yang lain; dan
5. Mengindoktrinkan pemikiran pengurus mata pelajaran bagi menzahirkan jati diri sebagai pemimpin instruksional.